



**YAPEIM**

**KENYATAAN MEDIA**

**YBRS. TUAN AMEER ALI BIN VALI MOHAMED**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/KETUA PENGARAH  
YAPEIM**

**sempena**

**TAHUN BAHARU 2025**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kami masih diberi kesempatan untuk terus berkhidmat dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) bagi mencapai tiga teras utamanya, iaitu pembangunan ekonomi Islam, pembangunan pendidikan dan pembangunan kemasyarakatan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

2. Tahun 2024 telah melabuhkan tirainya. Dalam tempoh setahun ini, Alhamdulillah, Allah telah permudahkan urusan kami di YAPEIM.
3. Terdapat pertambahan lebih 15 peratus sumbangan infak, berbanding tahun 2023, daripada penyumbang individu dan korporat, yang berupa asas penting kepada pelaksanaan program-program kami.
4. Program yang dimaksudkan termasuklah pembangunan usahawan dalam bentuk latihan perniagaan, latihan

pensijilan halal serta pemberian geran kepada usahawan-usahawan nano dan mikro.

5. Juga pemberian bantuan pendidikan kepada yang memerlukan sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun menara gading.
6. Dan tidak dilupakan bantuan kemasyarakatan antara lain kepada individu dan organisasi yang memerlukan, individu yang ditimpa musibah, anak-anak yang kehilangan ketua keluarga.
7. Sejak awal tahun 2023, kami telah memulakan Projek Pembangunan Komuniti YAPEIM atau PPKY dengan sebuah masjid dijadikan sebagai pusat nukleus bagi pembangunan dalam ketiga-tiga teras utama YAPEIM.
8. PPKY ini berupa satu projek selama 3 tahun bagi setiap lokasi yang terpilih bagi kami memberi khidmat dalam pembangunan ekonomi, pembangunan pendidikan dan pembangunan kemasyarakatan di kawasan sekitar.
9. Setakat ini, sebanyak 10 PPKY telah dilancar di 10 buah negeri, dan in-syaAllah pada tahun 2025 ini, kami akan memastikan bahawa kesemua negeri di Malaysia akan mempunyai sekurang-kurangnya satu PPKY setiap negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Sejak tahun 1985 hingga 2024, YAPEIM telah mengagihkan sejumlah RM710 juta kepada hampir 10 juta penerima manfaat di seluruh negara.
11. Ini tidak termasuk peruntukan sebanyak RM1.6 juta yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah YAPEIM pada pertengahan bulan Disember 2024 bagi tujuan membantu mangsa banjir bagi tempoh antara Disember 2024 sehingga Mac 2025.
12. Bagi pihak YAPEIM, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penyumbang YAPEIM, sama ada:
  - individu yang memberi infak secara bulanan melalui potongan gaji atau *InfaqPay*;
  - individu yang memberi sumbangan secara *one-off*;
  - jabatan dan syarikat yang bekerjasama dengan kami bagi infak bulanan warga kerja masing-masing; dan
  - organisasi yang bekerjasama dengan kami dalam pembangunan usahawan nano dan mikro secara holistik.

13. Allah sahaja yang akan memberi balasan yang sebaik-baiknya atas budi baik dan amal soleh tuan-tuan dan puan-puan semua, sebagaimana firman-Nya dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang mafhumnya:

“Bandingan derma orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan ingatlah Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas rahmat kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”

14. Kami berharap lebih ramai yang akan menjadikan YAPEIM sebagai badan pilihan infak mereka, antaranya dengan memberi sumbangan bulanan melalui platform *InfaqPay* YAPEIM.
15. Lebih banyak sumbangan yang kami terima, maka lebih banyak lagi program yang dapat kami laksanakan demi pembangunan ummah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

16. Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah dan warga kerja YAPEIM, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk

merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada:-

- Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim selaku Pengasas YAPEIM,
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar selaku Menteri Yang Bertanggungjawab dan
- Timbalannya YB Senator Dr Zulkifli bin Hasan.

17. Kami amat hargai segala amanat, pandangan, nasihat dan teguran yang diberikan kepada kami di YAPEIM selaku salah sebuah agensi agama persekutuan bagi memastikan kami terus berada di landasan yang betul dalam membangunkan Yayasan ini.

18. Akhir kalam, saya dengan rendah hati mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua. Semoga tahun 2025 akan menjadi lebih baik untuk kita semua dari segala aspek termasuk kesihatan dan kesejahteraan. Kami juga berharap YAPEIM akan sentiasa menjadi institusi infak pilihan tuan-tuan dan puan-puan. Aamiin ya rabbal alamiin.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.